

Headline	TH kekal jual tanah TRX		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 May 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	2	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,038
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,114



## TH kekal jual tanah TRX

**K U A L A  
L U M P U R**

Lembaga Tabung Haji kekal dengan keputusan untuk menjual tanahnya seluas 0.63 hektar di pusat kewangan, Tun Razak Exchange (TRX).

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abd Rahim berkata, transaksi

berkenaan sedang dalam proses untuk dimuktamadkan dan akan membolehkan Tabung Haji (TH) memperoleh sedikit keuntungan.

"Kita telah buat keputusan jual dan telah ada pembeli," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan hadiah kepada johan qari dan qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-58, semalam. Tabung Haji membeli tanah tersebut dengan harga RM188.5 juta.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan identiti pembeli tanah berkenaan.

"Kita akan maklumkan dalam masa terdekat ini selepas kita muktamadkan penjualan," katanya.



**ABDUL AZEEZ**

Pada 9 Mei lalu, TH memutuskan untuk menjual tanahnya di TRX atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas pembelian tanah berkenaan daripada 1 Malaysia Development Bhd menerima reaksi yang pelbagai dari

orang ramai sehingga mencetuskan kegusaran dalam kalangan pendeposit TH.

Sementara itu, qari dari Kelantan, Wan Ainuddin Abdullah, 33, dan qariah dari Pahang, Siti Husnaa Hassan, 23, menerima sebuah kereta Proton Preve setiap seorang, dengan nilai keseluruhan hadiah berjumlah hampir RM124,000, selepas muncul juara qari dan qariah tilawah al-Quran peringkat kebangsaan.

Tilawah berkenaan yang berakhir pada 25 April lalu diadakan di Kompleks Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan tema Perpaduan Nadi Transformasi Negara. - Bernama